

Newspaper	Berita Harian
Date	26/7/2014

Dr Mahathir tak gentar pertahanan pendirian

BH
- 26/7/2014

Beri 'tentangan' kuasa besar perlekeh negara

Setelah lebih empat dekad, Tun Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kesal terhadap sikap kasarnya menghantar surat mengecam Perdana Menteri dan Presiden UMNO ketika itu Tunku Abdul Rahman. Ekoran keputusan Pilihan Raya Umum 1969 yang menyaksikan prestasi UMNO dan Perikatan merudum, Dr Mahathir menyelar pendirian Tunku dan dasar pentadbirannya berhubung kedudukan orang Melayu, prestasi sosioekonomi Bumiputera dan beberapa hal lain.

Kata Dr Mahathir: "Saya tidak sepatutnya bersikap kasar dan tidak sopan terhadap Tunku. Saya berasa kesal tapi perasaan saya sangat keras ketika itu. Saya berpendapat beliau telah melakukan kesilapan dan perlu diberitahu mengenainya. (Saya percaya) beliau tidak mendapat maklumat daripada akar umbi. Lazimnya, penyokong pembodek akan berada di sekelilingnya dan mereka akan memberitahu Tunku apa-apa yang suka didengar oleh beliau sahaja." (Baca *Jejak Seorang Pemimpin*, MPH Group Publishing, Petaling Jaya, 2014 ms 11).

Buku setebal 184 halaman ini hasil empat temu ramah dengan Dr Mahathir oleh beberapa tokoh akademik pada Oktober 2006 dan Mac 2007. Ia sebahagian Program Sejarah Lisan Yayasan Kepimpinan Perdana yang dijalankan bersama Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir, Universiti Utara Malaysia.

Perbezaan pendapat dan persepsi

Menurut Dr Mahathir lagi, 'perbalahan' beliau dengan Tunku bukan kerana ego atau personaliti, tapi perbezaan pendapat dan persepsi. Oleh kerana yakin Tunku mempunyai persepsi yang salah mengenai banyak perkara, Dr Mahathir berasa bertanggungjawab memperbetulkannya. "Tunku daripada keluarga diraja. Baginya tidak ada perbezaan yang dirasakan beliau dengan penjajah. Mereka boleh bersama penjajah dan mereka tidak nampak apa-apa pun masalahnya kalau dijajah oleh pihak Inggeris. Tapi kita orang biasa mendapati bahawa penjajah adalah penindas."

Menceritakan pengalaman hidupnya pada zaman penjajah, Dr Mahathir memberitahu: "Pada zaman penjajah, saya berasa dihina, ditekan dan tidak dihormati sama sekali. Justeru, saya ingin supaya bangsa dan saya sendiri dapat

dihormati, bukan kerana saya menuntut supaya dihormati, tapi atas kebolehan ataupun kejayaan yang saya capai. Malah, ini juga ditujukan kepada bangsa saya sendiri. Kita tidak boleh menuntut orang lain supaya menghormati kita melainkan kita menunjukkan bahawa kita mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk mencapai matlamat kita. Ketika itu barulah tiada orang yang akan pandang rendah kepada kita dan menghina kita."

Lancar dasar Buy British Last

Dr Mahathir memastikan dia buat apa yang dia cakap. Ketika menjadi Perdana Menteri, beliau melancarkan dasar *Buy British Last* ekoran keputusan kerajaan Margaret Thatcher menaikkan yuran ke atas pelajaran Malaysia yang menuntut di universiti United Kingdom dan menerbangkan pesawat Concorde di ruang udara Malaysia tanpa memohon keizinan. "Pada pendapat British lama, Malaysia adalah sebuah negara jajahan dan sepatutnya menerima idea Britain. Saya perlu perbetulkan tanggapan yang salah itu. Saya perlu menegaskan bahawa Malaysia sebuah negara merdeka. Dia perlu melayan kita secara terhormat.

"Saya enggan membuat lawatan rasmi ke Britain. Apabila saya buat lawatan tidak rasmi ke Britain, Margaret Thatcher memberikan layanan agak baik. Beliau datang menemui saya di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia. Saya tidak mahu dilihat datang melawat beliau kerana yang demikian akan menjadikannya lawatan rasmi. Akhirnya beliau agak berminat mendengar pandangan kita."

Mengenai Lee Kuan Yew, Dr Mahathir berkata pemimpin Singapura itu tidak diterima oleh orang Cina di Malaysia. Apabila partinya, PAP bertanding pada pilihan raya tahun 1964, ia hanya menang satu kerusi walaupun ramai yang menghadiri ceramah kempenya. Ini membuktikan tidak semua orang Cina Malaysia menerima konsep 'Malaysian Malaysia' DAP. Walaupun pada dasarnya, konsep ini menganjurkan kesaksamaan tapi majoriti rakyat sedar dengan kekayaan, dominasi ekonomi serta sikap perkauman mereka yang tebal, orang Cina boleh menguasai Malaysia. Inilah yang ingin disaksikan PAP dan DAP.

Dalam blognya chedet.com, Dr Mahathir menyambung ulasan. Katanya, jika Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia, PAP pasti memperkenalkan politik bukan perkauman (non-racial) kerana bersama Cina Malaysia, PAP akan mendominasinya secara etnik dan menguasai politik Malaysia. "Ketika itu, tiada penentang yang dibiarkan dan pastinya tiada siapa yang berani untuk bercakap apa-apa mengenai siapa yang memerintah negara itu," ujarnya.